



KEMENTERIAN SAINS,  
TEKNOLOGI DAN INOVASI  
MINISTRY OF SCIENCE, TECHNOLOGY AND INNOVATION

## SIARAN MEDIA

### KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

---

#### SIRI JELAJAH MYSTARTUP ROADSHOW BAKAL KE SARAWAK

---

**KUCHING, 20 Jun 2022** – Meneruskan kesinambungan momentum dan usaha dalam mewujudkan sebuah ekosistem *start-up* yang terangkum dan kondusif, siri jelajah MYStartup Roadshow anjuran Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi agensi di bawahnya, Cradle Fund Sdn. Bhd. (Cradle) diteruskan dan bakal singgah ke Kuching, Sarawak pada 23 dan 24 Jun 2022.

Hentian kali ini merupakan sebahagian daripada usaha memastikan komuniti *start-up* di Sabah dan Sarawak tidak terlepas daripada turut terlibat dan mendapat manfaat daripada acara-acara pemerksaan *start-up* melalui Program MYStartup. Siri jelajah ini akan turut disertai oleh Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri' Dr. Adham Baba dan pemain-pemain ekosistem *start-up* dari Lembah Klang.

Kuching merupakan hentian pertama di luar Semenanjung Malaysia dan yang keempat di dalam siri jelajah MYStartup. Seperti hentian-hentian sebelum ini, siri jelajah ini akan dijayakan dengan sokongan daripada rakan komuniti dan teknikal seperti setempat seperti TEGAS Digital Village, Sarawak Digital Economy Corporation (SDEC), iCube Innovation, Sarawak Media Group (SMG) dan lain-lain.

Program MYStartup yang dilancarkan Februari 2022 terdiri daripada beberapa program bertujuan memperkasakan ekosistem dan komuniti *start-up* di Malaysia melalui pengisian yang menumpukan kepada pembangunan serta perkembangan *start-up* secara mampan serta pembangunan kapasiti dan modal insan.

Kerjasama antara MOSTI, Cradle dan pemegang taruh Ekosistem *Start-up* Malaysia dalam siri jelajah ini menunjukkan iltizam MOSTI dalam memanifestasikan usaha dan komitmen Kerajaan bagi memastikan Keluarga Malaysia mendapat manfaat daripada usaha pemerksaan dan pembangunan *start-up* negara. Melalui usaha ini juga, impian menjadikan Malaysia sebagai pilihan utama bagi para pengasas dan syarikat luar untuk bertapak serta memulakan operasi mereka di negara ini dapat direalisasikan, sekaligus merancakkan lagi ekonomi negara.

MYStartup Roadshow kali ini bakal dihadiri barisan *start-up* yang bertapak di Sarawak dan kawasan berdekatan. Program ini juga akan mengetengahkan pemegang taruh lain di dalam ekosistem start-up Malaysia seperti Microsoft, Cyberview dan Beyond4 semasa program sesi ramah di hentian siri jelajah berkenaan.

Selain daripada hebahan mengenai program-program yang dilaksanakan MOSTI, turut diadakan adalah sesi penerangan berkenaan Pelan Hala Tuju Ekosistem *Start-up* (SUPER), kaedah-kaedah penyertaan program bagi para *start-up*, kriteria-kriteria bagi memohon geran, pemadanan perniagaan dengan dana bersesuaian, sesi *networking* dan juga pelbagai bengkel.

Pihak Cradle berbesar hati menjemput para *start-up* yang berada di sekitar Sarawak dan Sabah untuk bersama-sama turut serta di dalam acara MYStartup Roadshow pada ketetapan berikut:

**Tarikh : 23 dan 24 Jun 2022**  
**Masa : 9.00 pagi hingga 6.00 petang**  
**Lokasi : TEGAS Digital Village,  
Sama Jaya High Tech Park  
93350 Kuching, Sarawak.**

Maklumat lanjut mengenai ekosistem *start-up* Malaysia, program-program yang bakal dianjurkan Cradle dan maklumat berkenaan hentian siri jelajah ‘MYStartup Roadshow’, *start-up*, pelabur, pemain industri dan pembina ekosistem, sila layari dan mendaftar di platform MYStartup di [www.mystartup.gov.my](http://www.mystartup.gov.my).

**# TAMAT #**

Dikeluarkan oleh:  
**KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**  
**20 JUN 2022**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:**

Puan Emily Clarice Joannes  
Pegawai Penerangan  
Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI)  
03-88858299  
[emily@mosti.gov.my](mailto:emily@mosti.gov.my)

Ali Baizuri Razali  
PR & Media  
Cradle Fund Sdn. Bhd.  
011-63295400  
[ali.baizuri@cradle.com.my](mailto:ali.baizuri@cradle.com.my)